

NO. SOALAN: 393

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT
GANTANG]**

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penyumbang tetap secara bulanan kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM), dan berapakah jumlah mereka yang telah menarik diri daripada menyumbang sejak November 2015 hingga Februari 2016.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penyumbang tetap secara bulanan (sehingga Disember 2015) kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) ialah **435,858 orang**. Manakala jumlah yang telah tamat daripada menyumbang sejak November 2015 hingga Februari 2016 adalah **32,075 orang**.

Dimaklumkan juga, sejak awal pelaksanaan Skim Potongan Gaji (SPG) melalui Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dari tahun 1985 hingga kini, sebab pembatalan atau menarik balik dari SPG YaPEIM oleh penyumbang adalah pelbagai malah ia subjektif untuk diperkatakan. Ini kerana, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada hal ini. Antaranya:

- i. meninggal dunia;
- ii. bersara;
- iii. berhenti kerja;
- iv. menyumbang kepada institusi lain;
- v. berpindah tempat kerja;
- vi. kos sara hidup meningkat; dan
- vii. persepsi negatif/fitnah.

Walau bagaimanapun, terdapat juga penyumbang baharu dan pemyumbang sedia ada yang menambah jumlah sumbangannya. Bagi tempoh sejak November 2015 hingga Februari 2016 adalah 5,771 orang penyumbang baharu dan seramai 218 orang yang menambah sumbangannya.

Sekian, terima kasih.